



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed


Kemaruk gelaran hingga sanggup beli

Kegiatan jual beli anugerah darjah dan kebesaran diraja palsu mula menarik perhatian khalayak apabila media arus perdana membongkar satu demi satu sindiket yang mendalangi aktiviti ini yang dilihat semakin berani dan berleluasa. Ini membuktikan rakyat kita seolah-olah semakin terdesak dan kemaruk untuk memiliki gelaran walaupun ia palsu dan perlu dibeli dengan belanja yang besar.

Isu ini turut menarik perhatian Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah apabila baru-baru ini menitahkan supaya tindakan tegas diambil terhadap individu yang menjalankan kegiatan menjual anugerah darjah dan kebesaran diraja palsu di Perak. Ia rentetan daripada makluman polis mengenai identiti beberapa individu yang terlibat, termasuk yang mempunyai hubung kait dengan sejarah kerabat diraja negeri Perak. Titah baginda, kegiatan itu tidak boleh dibenarkan merebak kerana ia akan mengakibatkan semakin banyak darjah kebesaran palsu dijual dan semakin ramai penerima menggunakanannya. Malah, ia juga mencemarkan institusi diraja, istana dan kerajaan kerana mewujudkan darjah tersendiri yang tidak mendapat pengiktirafan rasmi kerajaan negeri.

Hakikatnya masyarakat terkejut apabila media mendedahkan begitu banyak sindiket yang melakukan aktiviti jual beli gelaran palsu ini, sekali gus mengaut keuntungan besar kerana setiap satu gelaran itu dijual dengan harga berbeza dan cukup lumayan mengikut kategori gelaran. Apa yang pasti sekarang, akibat daripada kegiatan seperti ini, masyarakat mula sangsi dan keliru dengan pelbagai gelaran yang dimiliki oleh sesetengah individu di negeri ini yang kita tidak ketahui dari mana mereka peroleh dan adakah ia gelaran yang sah atau palsu serta dibeli daripada sindiket yang berkaitan.

Penulis melihat isu jual beli gelaran palsu dan lambakan gelaran ini muncul akibat daripada dua faktor utama iaitu pertama wujudnya sindiket terancang yang memanipulasi pihak tertentu untuk mengaut keuntungan dengan melakukan urus niaga jual beli gelaran palsu. Faktor kedua berpunca daripada tindakan beberapa individu yang tampil mengaku diri sebagai sultan dan kerabat diraja yang tidak pernah



ISTANA Negara lambang negara berdaulat.

dikritiraf oleh kerajaan yang kemudian mula menganugerahkan pelbagai gelaran atas kapasiti diri masing-masing yang diangkat sebagai sultan mahupun raja. Tindak-tanduk seperti ini akhirnya menyebabkan nilai dan kedudukan sesebuah anugerah mahupun gelaran itu mula dipersoalkan dan dipertikaikan oleh masyarakat. Ini sekali gus bukan saja menjatuhkan kedudukan gelaran yang sah yang dianugerahkan oleh pihak istana, tetapi mencemarkan institusi diraja dan istana secara keseluruhannya.

Dalam konteks ini, ada dua kemungkinan yang sering berlaku iaitu pertama gelaran itu sememangnya palsu dan sindiket ini menipu individu yang membelinya. Satu lagi senario kemungkinan gelaran itu sah, tetapi ia dianugerahkan secara pintu belakang dengan cara aktiviti jual beli dan penyelewengan yang dihalangi individu yang mungkin ada hubung kait dengan istana di mana mereka menyalah guna kedudukan untuk mengaut keuntungan.

Apapun bagi penulis, ia sangat berkait rapat dengan hukum alam iaitu sesuatu urus niaga itu tidak akan berlaku seandainya tidak ada unsur penawaran dan juga permintaan. Menyedari hakikat betapa sebilangan rakyat kita agak kemaruk untuk mendapatkan anugerah, penghormatan dan gelaran, maka muncul sindiket yang mengambil kesempatan ke atas orang-orang yang tamak dan kemaruk seperti ini. Tambahan pula orang yang kemaruk seperti ini sanggup membayar apa jua jumlah bayaran yang dikenakan oleh sindiket ini asalkan matlamat mereka memiliki gelaran tercapai. Malah, oleh kerana terlalu kemaruk dan taasub, mereka tidak menyiasat sama ada gelaran itu sah atau palsu.

Justeru, kita berharap rakyat

yang kemaruk gelaran ini akan insaf dan sedar. Sedarlah betapa gelaran palsu itu tidak akan bertahan lama. Lambat laun pihak berkuasa dapat menghindari asal usul gelaran yang kita miliki ini. Biarlah pangkat, kedudukan, kuasa dan gelaran ini datang mencari kita atau orang anugerahkan kepada kita sebagai pengiktirafan atas sumbangan kita selama ini, bukannya kita yang kemaruk mencari dia dan sanggup membayar untuk mendapatkannya.

Bagi yang rasa-rasa dirinya ditipu oleh sindiket jual beli gelaran ini serta ragu-ragu dengan gelaran yang diguna pakai selama ini, eloklah segera merujuk pihak berkuasa ataupun pihak yang berkenaan untuk tujuan pengerahan. Bayangkan betapa malunya kita seandainya ada pihak yang mengetahui kita miliki gelaran palsu ataupun tahu kita membeli gelaran tersebut.

Semoga pendedahan demi pendedahan mengenai aktiviti seperti ini akan menyedarkan rakyat yang mungkin sedang memasang impian untuk mendapatkan gelaran dengan cara tidak betul. Gejala tidak sihat ini tidak boleh dibiarkan begitu saja. Kita berharap aktiviti tidak bermoral seperti ini dapat disekat dan dicegah dengan segera kerana kuatir pembeli anugerah palsu ini menyalah guna anugerah itu untuk pelbagai kepentingan peribadi.

Diharap undang-undang baharu yang sedang digubal dapat diluluskan dengan segera supaya sindiket ini dapat dipatahkan dan adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk kita menjaga dan memelihara imej dan nama baik institusi diraja di negera kita.